

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

SAU301 - Ekologi Manusia

Masa: [3 jam]

---

Bahagian A (20 markah)

Soalan jawapan pendek. Tiap-tiap soalan pendek adalah wajib dan akan diberi markah yang sama. Gunakan kertas ini untuk menjawab.

1. Mengapakah ekologi manusia tidak sama dengan ekologi tumbuhan dan binatang?

---

---

---

---

(4 markah)

2. Bentuk badan yang ganjil di kalangan puak Khoisan di Afrika Selatan tidak dapat dianggap sebagai satu proses penyesuaian secara fizikal kepada gurun, sebab

---

---

---

---

[SAU 301]

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

3. Satu contoh yang menggambarkan proses lingkaran dalam satu ekosistem adalah

---

---

---

---

(4 markah)

4. Dalam isu apakah Darwin turut membantu sains ekologi?

---

---

---

---

(4 markah)

5. Satu kaedah untuk mengurangkan kadar kelahiran di kalangan golongan "primitif" adalah

---

---

---

---

(4 markah)

...3/-

Bahagian B (80 markah)

Pilih EMPAT (4) soalan sahaja.

6. Terangkan bagaimana pengkaji-pengkaji sains sosial berikut mendefinisikan tugas-tugas ekonomi manusia:  
  
Park, Shepard, Catton dan Dunlap ("environmental sociology"), Orlove ("processual antropology"). (20 markah)
7. Huraikan sistem tanaman pindah ("swidden") yang diamalkan oleh puak Semang dan puak-puak lain di bukit negeri Thailand dan kritik pendapat umum bahawa golongan-golongan ini menyebabkan hakisan tanah. (20 markah)
8. Bincangkan hubungan di antara ekologi dan kebudayaan dengan menggunakan pendekatan "cultural ecology" oleh Steward. Beri contoh dari suku bangsa Afrika atau Niu Gini dan beri dua kenyataan yang bertentangan dengan teori Steward. (20 markah)
9. Bincangkan unsur-unsur yang menentukan kestabilan sesuatu ekosistem dengan memberi dua contoh kajian kes (satu dari Niu Gini) yang menunjuk keadaan ketidakseimbangan alam. (20 markah)
10. Kegiatan manusia apakah yang mengakibatkan proses kegurunan (desertification) di kalangan puak Masai dan di masyarakat Irak? (20 markah)
11. Bagaimana dan sejauhmana faktor-faktor berikut mempengaruhi kemusnahan alam sekitar:
  - a. Sistem politikal-ekonomi
  - b. Ideologi agama terhadap alam
  - c. Teknologi. (20 markah)
12. Bandingkan sambil menumpukan keadaan ekologi:
  - a. bandar zaman awal dengan bandar moden
  - b. bandar Barat dan bandar Asia. (20 markah)

